

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	1 APRIL 2016

Najib mohon padam afidavit diikrar Tun M

BH - 1/4/2016

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak memohon Mahkamah Tinggi memadamkan afidavit diikrarkan Tun Dr Mahathir Mohamad yang digunakan bagi menyokong permohonan bekas Presiden MCA, Tun Dr Ling Liong Sik untuk membatalkan saman fitnah dikemukakannya.

Kes saman difailkan Najib terhadap Liong Sik itu adalah berhubung kenyataan dikeluarkan bekas Presiden MCA itu pada satu majlis yang menyebabkan penerbitan satu artikel mendakwa Perdana Menteri menyalahgunakan dana kerajaan.

Peguam Nor Emelia Mohd Iszeham yang mewakili Najib ketika ditemui selepas prosiding kes di Mahkamah Tinggi semalam berkata, pihaknya membuat permohonan itu dengan alasan Dr Mahathir tidak menyatakan daripada sumber mana artikel yang dirujuk dalam afidavitnya, yang dipercayainya adalah benar.

Pengurusan kes 6 April

Nor Emelia berkata, melalui prosiding dalam kamar hakim itu, Datuk John Louis O'Hara menetapkan 6 April ini bagi pengurusan kes saman berkenaan.

Katanya, proses mediasi yang disarankan oleh hakim sebelum ini, tidak berjaya mencapai sebarang penyelesaian.

Dalam writ saman dan pernyataan tuntutan difailkan pada 27 Oktober tahun lalu, Najib berkata, Liong Sik yang juga bekas Menteri Pengangkutan, mengeluarkan kenyataan fitnah diterbitkan portal Malay Mail bertarikh 3 Oktober 2015.

Najib selaku plaintif, berkata defendan secara salah dan berniat jahat mengeluarkan kenyataan fitnah itu pada majlis di Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman, di ibu negara.